

Rangka Pelan Transformasi Sektor Air 2040

Rembau: Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersama Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri merangka Pelan Transformasi Sektor Air 2040 dalam inti pati Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata kerangka itu bertujuan menjadikan sektor air sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dan Malaysia sebagai hab air serantau menjelang 2040.

Katanya, KASA komited dalam memastikan kecukupan sumber air dan jaminan bekalan air bersih kepada seluruh rakyat di negara ini menerusi Pelan Transformasi Sektor Air 2040.

"Sebanyak 2,986 lembangan sungai di seluruh negara adalah sumber bekalan air bersih untuk kegunaan rakyat di negara ini dengan purata taburan hujan tahunan melebihi 2,000 milimeter (mm), antara tertinggi di dunia yang perlu dimanfaatkan sebaiknya.

"Banyak projek infrastruktur air giat dilaksanakan dan dirancang dengan teliti seperti Projek Grid Air Kebangsaan, Projek Pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil, Projek Takungan Air Ping-

giran Sungai, Projek Naik Taraf Empangan, Projek Rancangan Tebatan Banjir dan Projek Pemuliharaan Pantai di seluruh negara.

"Unit Perancang Ekonomi dan Akademi Sains Malaysia (ASM) sedang merangka model pembiayaan alternatif sektor air untuk dilaksanakan di bawah agenda Transformasi Sektor Air 2040," katanya berucap merasmikan Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan 2021, di Sungai Rembau, Lubok China, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Mansor Othman serta Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan.

Pada sidang media selepas itu, Tuan Ibrahim berkata, lebih banyak Projek Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) akan diwujudkan sebagai mekanisme dalam menangani impak perubahan iklim terhadap sumber be-

kalan air di negara ini.

Beliau berkata, negara sering mengalami dua keadaan cuaca melampau iaitu limpahan air yang banyak ketika musim tengkujuh dan kekurangan air ketika musim kemarau.

Katanya, pembinaan TAPS dilihat sebagai langkah terbaik yang boleh diambil menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk bersedia dalam berdepan kedua-dua keadaan.

"Kita lihat perlu ada satu mekanisme untuk memanfaatkan air ketika ada supaya kita boleh guna waktu tiada, (sebab) itu kita perkenalkan TAPS.

"Kita bukan lagi buat empangan di hulu tetapi bina TAPS. Jika berlaku apa-apa kepada sungai, contohnya pencemaran, loji rawatan tidak boleh beroperasi, impak kepada penduduk sangat serius. Apa alternatif kita sewaktu air sungai tidak boleh ambil?

"Jadi, kita ada TAPS untuk kita ambil sebagai sandaran supaya

pengguna tidak terputus bekalan," katanya.

Ketua Pengarah Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah, dalam kenyataan baru-baru ini menegaskan, berlaku kenaikan suhu purata harian di bahagian tengah Semenanjung dalam tempoh sembilan tahun sehingga tahun lalu.

Perubahan iklim tempatan di kawasan sama juga menyebabkan jumlah hujan meningkat daripada 2,500 mm setahun pada 2011 menghampiri 3,000 mm pada 2019.

Sementara itu, Tuan Ibrahim berkata, lapan individu yang direman bagi membantu siasatan insiden pembuangan sisa kimia industri terjadual berbahaya di Kampung Baru Sri Aman, Selong, Kempas, Johor akan didakwa dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, segala maklumat hasil siasatan mengenai insiden itu akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara sebaik selesai.

"Kita sudah kenal pasti punca pencemaran itu dan sisa bahan kimia yang dibuang ke dalam sungai berkenaan sudah dihantar ke makmal (Jabatan Kimia) untuk dianalisis," katanya.



Tuan Ibrahim Tuan Man